

PM ajak Jerman melabur di bidang

UM 16 MAR 2002

Daripada HAMZAH SIDEK

MUNICH 18 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak Jerman melabur dalam bidang kejuruteraan serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang disifatkannya sebagai jentera yang akan menggerakkan ekonomi Malaysia ke mercu yang lebih tinggi.

Katanya, Jerman sebagai pemimpin dunia dalam bidang ICT dan kejuruteraan boleh memberikan bantuan penting dalam melonjakkan ekonomi Malaysia pada era yang menarik ini.

Menurut Dr. Mahathir, di bidang ICT Malaysia melalui projek Koridor Raya Multimedia (MSC) berjaya menarik penyertaan 646 syarikat asing — jauh melebihi sasaran awal iaitu penyertaan 500 syarikat pada 2003.

Bidang-bidang ICT yang para pelabur Jerman patut ceburi, tambahnya ialah E-kerajaan, perubatan tele, sekolah bestari, yang pelbagai guna, kumpulan penyelidikan dan pembangunan, laman pembuatan sedunia dan pusat pasaran tanpa sempadan.

Perdana Menteri berucap kepada para pemimpin industri dan perniagaan Jerman pada Forum Bisnes Malaysia-Jerman di Munich, ibu negeri Bavaria iaitu negeri yang paling maju di Jerman dalam bidang industri. Sebanyak 32 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Jerman disumbangkan oleh Bavaria.

Beliau tiba dari lawatan peribadi di Stuttgart, juga di Jerman, bagi memulakan lawatan kerja rasmi selama tiga hari di Munich dan Berlin untuk menarik lebih banyak pelaburan Jerman ke Malaysia.

Nilai perdagangan Malaysia-Jerman pada tahun lalu berjumlah kira-kira AS\$4.8 bilion (RM18.24 bilion) dan Jerman merupakan rakan dagang terbesar Malaysia di kalangan negara-negara Kesatuan Eropah (EU).

Usahawan

Di samping mengadakan perbincangan dengan para usahawan dan para pemimpin kerajaan Bavaria termasuk Presidennya Dr. Edmund Stoiber, Dr. Mahathir juga akan melawat ke ibu pejabat pembuat kereta terkenal BMW dan pembuat peralatan kejuruteraan, telekomunikasi dan perubatan terkemuka Siemens AG.

Pada malam ini Dr. Stoiber meraikannya dalam majlis makan malam.

Dari Munich yang lebih dikenali sebagai

kejuruteraan, ICT

kota kelab bola sepak terkemuka Bayern Munich, Perdana Menteri akan berlepas ke Berlin esok untuk mengunjungi pemimpin Jerman, Canselor Gerhard Schroeder dan mengadakan pertemuan dengan sekumpulan lagi tokoh korporat Jerman.

Dr. Mahathir memberitahu Forum Bisnes Malaysia-Jerman di sini, beliau amat suka kerana Jerman masih kekal sebagai rakan dagang terbesar di kalangan negara-negara EU walaupun ekonomi dunia merosot pada tahun ini.

Katanya, Malaysia yang memiliki slogan 'Malaysia Boleh' adalah tempat pelaburan yang terbaik kerana ia telah membuktikan keupayaannya untuk terus mencatat kemajuan ekonomi walaupun menghadapi pelbagai halangan termasuk krisis kewangan pada 1997-1998.

Suasana yang sihat untuk pelaburan itu membolehkan Malaysia menarik pelaburan asing sebanyak AS\$4.8 bilion (RM\$18.24 bilion) pada tahun lalu termasuk dari Jerman yang merupakan pelabur kelapan terbesar.

"Hari ini Malaysia sedang melangkah ke fasa baru pembangunan dan kemajuannya untuk mencapai Wawasan 2020. Fasa baru ini amat dibentuk oleh ekonomi baru yang sebahagiannya didorong kemajuan ICT.

"Kami amat memerlukan bantuan dari sumber-sumber asing dan kami percaya kami memiliki daya tarikan untuk industri dan perkhidmatan berteknologi tinggi di kawasan khas yang telah kami sediakan untuk mereka," katanya. — *Utusan*